



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 16 JANUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NG KEK KIONG URGES MOA TO ALLOW MORE FOREIGN COMPANIES TO IMPORT HALAL CHICKEN, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9.	4 STATES ON RABIES, CHIKUNGUNYA ALERT, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 TIADA KES POSITIF RABIES DI PERAK, SETEMPAT, HM -7 PEMILIK HAIWAN DIMINTA BERI KERJASAMA, SETEMPAT, HM -7 VAKSIN WABAK RABIES MENCUKUPI, SETEMPAT, SH -34 RABIES DI PERAK TERKAWAL, SETEMPAT, HM -34 SEMUA PIHAK DIGESA PATUHI ARAHAN JPV, PBT, ISU, BH -66 TIADA KES JANGKITAN DI TAIPING, ISU, BH -66 ISU ANJING LIAR ANCAM KEHARMONIAN SOSIAL, NEGARA, KOSMO -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
10.	JANGAN LEPASKAN IKAN BANDAR RAYA KE PERAIRAN UMUM, DALAM NEGERI, UM -41	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Ng Kek Kiong urges MOA to allow more foreign companies to import halal chicken		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	16 Jan 2019	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A4	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	233 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,931
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,793



吴国强促农业部 允更多外企入口清真鸡



吴国强：外资和本地合作伙伴对政府办事效率非常失望。

(八打灵再也 15 日讯) 东盟 - 中国经济贸易发展促进会总会长拿督吴国强敦促农业与农基工业部，允许更多企业将清真鸡肉入口至大马。

他昨日发表文告指出，据了解，目前大马仅允许一家中国公司将鸡肉出口至马来西亚，而直接导致有关公司垄断了中国进口的家禽市场，这也促使了市场基于缺乏竞争，而有损消费者利益。

吴国强强调，政府应立即采取行动，纠正这种情况。

他也指出，该会已收到数间

外资公司的投诉，他们自从 2015 年申请鸡肉入口准证以来，农业部和兽医局没有给予正面答复，这使得外资和本地的合作伙伴对政府的办事效率

非常失望。

“根据消息来源，自 2015 年起，来自中国的 8 家企业已经向兽医局申请初步审核要求。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2019	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3

4 states on rabies, chikungunya alert

➤ Kedah imposes strict border entry screening

■ BY EDMUND LEE
newsdesk@thesundaily.my

PETALING JAYA: The Health Departments in four northern states have been put on alert after the confirmation of rabies cases in two Perak towns and an outbreak of chikungunya in Hatyai, Thailand.

The authorities in Penang, Perlis, Kedah and Perak are stepping up efforts to prevent both viruses from spreading.

Taiping and Bukit Gantang were declared rabies-infected areas by the Veterinary Services Department on Jan 11. Kedah health director Datuk Dr Norhizan Ismail yesterday said strict screening has been imposed at the border entry

points in Bukit Kayu Hitam, Kota Putra Durian Burung and Langkawi.

There has been no detection of people with symptoms of the virus or fever in checks conducted on 125,908 visitors last month, he said.

Perlis health committee chief Teh Chai Ann has advised people in the state to refrain from visiting Hatyai for now. Those returning from Thailand must seek treatment immediately if they have fever or headache, he added.

A spokesman from Penang Veterinary

Services Department said the situation in the state is under control despite the rabies outbreak in northern Perak. No such cases have been reported in Penang.

A Taiping Veterinary Services Department spokesman said surveillance and vaccination are being carried out on pets.

A resident of Taman Sri Kota Fasa 2 in Taiping had reported that two family members were bitten by their pet dog on Dec 25. The dog has since been put down and a sample taken from the dog confirmed to contain rabies.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	7

Putrajaya: Tiada kes positif rabies dalam kalangan manusia dilaporkan di Taiping, Perak setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Dr Dzulkefly Ahmad berkata, dua mangsa yang digigit anjing positif rabies di Taiping pada 25 Disember tahun lalu tidak menunjukkan gejala penyakit itu.

“Kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sedang dilakukan untuk pelaksanaan aktiviti kawalan serta pencegahan,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Kelmarin, mukim Taiping dan Bukit Gantang di daerah Larut Matang dan Selama (LMS), Perak diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies atau anjing gila berikutan empat sampel diambil di kawasan itu mendapati ia-

Tiada kes positif rabies di Perak

nya positif wabak berkenaan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, dalam satu kenya-

taan berkata, ujian dilakukan pihak JPV selepas menerima maklumat pengadu dari Taman Sri Kota Fasa 2, Taiping, 31 Disember tahun

lalu.

Pengadu berkenaan melaporkan bahawa dua ahli keluarganya digigit oleh seekor anjing miliknya pada 25 Disember dan anjing itu sudah dilupuskan oleh pengadu pada 3 Januari lalu.

Pada 4 Januari lalu, sampel otak daripada anjing itu diuji dan disahkan positif terhadap penyakit rabies oleh Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), Ipoh.

Dalam pada itu, berhubung wabak Chikungunya, Dr Dzulkefly berkata, pemantauan di pintu masuk antarabangsa antara Malaysia Thailand, Singapura dan Indonesia diperkukuhkan dengan kaedah saringan suhu badan untuk mengesan kes disyaki Chikungunya daripada pelawat yang memasuki Malaysia.

Berhubung cadangan memperluaskan larangan merokok di pejabat atau tempat kerja, beliau berkata, kementerian terbuka untuk menimbang pelbagai cadangan ke arah itu.



Pemilik haiwan diminta beri kerjasama

Ipoh: Pemilik anjing di daerah Larut Matang dan Selama (LMS) diminta patuh pada arahan dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung penularan jangkitan wabak rabies atau anjing gila.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, pemilik juga diminta segera membawa anjing peliharaan masing-masing mendapatkan suntikan pelalian atau vaksin.

“Saya sudah diberi taklimat mengenai perkara ini semalam (kelmarin) sebelum

menandatangani pewartaan LMS termasuk bandar Taiping sebagai kawasan jangkitan rabies.

“Semua pemilik anjing perlu mengambil langkah proaktif bagi mengelak wabak ini menular ke kawasan lain,” katanya di sini semalam.

Vaksin wabak rabies mencukupi

Bekalan telah diagih kepada JPV Perak untuk laksanakan program suntikan

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

TAIPIING

Kerajaan Perak memberi jaminan bekalan vaksin dibekalkan Jabatan Kesihatan Negeri Perak bagi menangani wabak jangkitan rabies atau anjing gila di Mukim Taiping dan Bukit Gantang, ketika ini mencukupi.

Exco Kesihatan, Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional dan Sumber Manusia negeri, A Sivanesan berkata, bekalan vaksin itu sudah dibekalkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak bagi membolehkan agensi itu melaksanakan program suntikan vaksin ke atas semua anjing dan kucing dipelihara penduduk di kawasan diisytihar wabak.

Menurutnya, pihaknya bersama JPV dan pihak berkuasa tempatan (PBT) kini sedang memantau dan memeriksa keadaan setiap anjing dan kucing yang dipelihara tuan di kawasan Taman Seri Kota Fasa Dua, Pokok Assam dan Tupai Business Centre.

"Saya merayu semua pemilik anjing dan kucing di sekitar kawasan diwartakan wabak rabies supaya segera dapatkan suntikan vaksin untuk haiwan peliharaan mereka bagi mengelakkan wabak penyakit itu menular.

"Kesemua agensi kerajaan terli-



Kakitangan JPV Perak sedang merekodkan maklumat pemeriksaan rumah di kawasan diwartakan wabak rabies.

bat kini sudah berada di kawasan foci bagi melaksanakan segala perancangan mengawal dan membendung penularan jangkitan termasuklah inisiatif melupuskan anjing liar dan suntikan vaksin kepada anjing serta kucing bertuan sejak semalam," katanya sewaktu dihubungi Sinar Harian di sini, semalam.

Wabak masih terkawal

Dalam pada itu, Sivanesan turut menggesa orang ramai tidak perlu khuatir dengan pewartaan Mukim Taiping dan Bukit Gantang sebagai kawasan wabak rabies kerana penularan wabak itu masih terkawal.

"Cuma saya ingin menasihati penduduk supaya segera melaporkan kepada PBT sekiranya terdapat anjing liar berkeliraran



A SIVANESAN

di kawasan perumahan masing-masing.

"Bagi mereka yang digigit anjing atau kucing liar, mereka diminta segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan dan hospital berhampiran sebagai langkah pencegahan segera," katanya.

Sementara itu, satu operasi memvaksin haiwan peliharaan di sekitar kawasan bermula wabak dijalankan lebih sepuluh kakitangan JPV Perak bermula jam 8 pagi semalam.

Agensi kerajaan itu turut bertindak meletakkan pelekat berwarna kepada setiap rumah diperiksa di samping memasang rantai khas kepada anjing-anjing bertuan yang sudah diberi suntikan vaksin.

Menurut Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Pokok Assam, Mohd Tajuddin Ahmad, 60, berkata tindakan pewartaan kawasan jangkitan rabies sememangnya membimbangkan penduduk setempat.

"Kewujudan banyak anjing liar di kawasan kami bukan sahaja mengancam keselamatan penduduk yang melalui jalan taman perumahan, malahan turut membunuh ternakan kami," katanya.

Dalam pada pada itu, Adun Pokok Assam, Leow Thye Yih menyeru penduduk bekerjasama dengan PBT dan kesemua agensi kerajaan terlibat untuk menangani wabak rabies termasuk meminta pemilik anjing dan kucing segera mendapatkan vaksin di Pejabat JPV Daerah Taiping.



APAKAH ITU RABIES?

- Rabies ialah penyakit sistem saraf yang disebabkan jangkitan virus Lyssavirus yang menyebabkan keradangan otak

VIRUS INI MEREBAK DARIPADA HAIWAN TERJANGKIT KEPADA MANUSIA MELALUI:-

1. Luka gigitan haiwan terjangkit.
2. Luka terbuka pada kulit dan daerah mukosa daripada air liur haiwan terjangkit.
3. Cairan atau tisu tubuh daripada haiwan terjangkit.

TANDA & GEJALA RABIES

- Demam
- Sakit dan lenguh pada tempat gigitan
- Kelesuan otot badan
- Sakit kepala

GEJALA BERLAKU APABILA VIRUS MENYERANG SISTEM SARAF PUSAT

- Resch & gellisch
- Perubahan sikap secara tiba-tiba
- Kekeliruan
- Ketakutan pada air
- Kesukaran menelan
- Insomnia
- Lumpuh

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Rabies di Perak terkawal

GOPENG - Penularan wabak rabies atau penyakit anjing gila di negeri ini berada dalam keadaan terkawal.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, ketika ini JPV Perak dan PBT sedang giat meneruskan usaha pengawasan terhadap anjing peliharaan dan anjing liar bagi memastikan wabak berkenaan tidak menular ke kawasan lain.

"Kedua-dua pihak sedang menjalankan usahasama untuk memastikan anjing-anjing ini tidak dijangkiti.

"Ianya bukan satu situasi yang perlu kita terlalu bimbang, tetapi kena ambil tindakan segera dan itulah yang kerajaan sedang lakukan sekarang," katanya kepada media, semalam.

Beliau berkata, pihaknya telahpun diberikan taklimat oleh Pengarah Veterinar negeri berhubung situasi wabak berkenaan, sebelum menandatangani pewartaan mengisytiharkan Mukim Taiping dan Bukit Gantang sebagai kawasan wabak rabies.

Menurutnya, daripada penerangan diberikan didapati, wabak itu bukan berpunca dari negeri ini, tetapi kawasan luar.

"Mukim ini sebelum ini pernah diwartakan sebagai kawasan wabak dan ia berlaku sekali lagi, apapun kita perlu ambil tindakan pengawasan sepertimana kita lakukan sekarang," katanya.

Justeru pihaknya menggesa setiap pemilik anjing peliharaan memastikan haiwan mereka mendapat suntikan di klinik-klinik supaya tiada penularan wabak berlaku.

"Apabila tular ke kawasan lebih besar, ia boleh mendatangkan masalah yang lebih serius.

"Sudah tentulah kita bimbang dengan anak-anak yang bermain di padang permainan, mereka terdedah dengan bahaya diserang anjing yang dijangkiti wabak ini," katanya.



AHMAD FAIZAL



Kakitangan JPV Perak menjalankan pemeriksaan di setiap rumah penduduk yang memelihara anjing di sekitar Taman Seri Kota, Fasa Dua, Pokok Assam sambil dilingi Thye Yih (tengah).

WABAK RABIES

Semua pihak digesa patuhi arahan JPV, PBT

➔ Langkah kawal, elak penyebaran jangkitan anjing gila

Oleh Shamsul Kamal Amardin dan Zahratulhayat Mat Arif
bhnews@bh.com.my

Ipoh

Semua pemilik anjing di daerah Larut Matang dan Selama (LMS) diminta mematuhi arahan ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mengelakkan penyebaran jangkitan anjing gila atau rabies.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, berkata adalah penting untuk penduduk bekerjasama memastikan wabak itu terkawal, antara lain segera membawa anjing peliharaan masing-masing mendapatkan suntikan pelalian atau vaksin.

Beliau berkata, tindakan proaktif pemilik anjing juga dapat mengelakkan wabak itu merebak ke luar daerah yang boleh mendatangkan masalah lebih serius di negeri ini.

"Saya sudah diberi taklimat mengenai perkara ini, semalam

(kelmarin), sebelum menandatangani pewartaan LMS, termasuk bandar Taiping, sebagai kawasan jangkitan rabies.

Ambil langkah proaktif

"Pemilik anjing perlu mengambil langkah proaktif mengelakkan wabak ini memular ke kawasan lain," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Naluri Perdana Gopeng di Gopeng, dekat sini, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam, dalam satu kenyataan berkata mukim Taiping dan Bukit Gantang di daerah LMS diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies berkuat kuasa serta-merta.

Ia susulan maklumat seorang pengadu bahawa dua ahli keluarganya digigit anjing peliharaannya di Tamaru Sri Kota Fasa 2, Taiping, bulan lalu, sebelum sampel otak haiwan itu diuji dan disahkan positif rabies oleh Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh.

Dr Quaza Nizamuddin berkata, sebanyak tiga lagi sampel anjing berkelieran dikesan positif daripada 30 sampel diambil pada 11 Januari lalu di sekitar kawasan Tupai Business Centre dan Pekan Sri Boyan.

Mengulas lanjut, Ahmad Faizal berkata, pihaknya bimbang akan risiko kanak-kanak bermain di luar rumah, termasuk di padang permainan awam,



Pemilik anjing perlu mengambil langkah proaktif mengelakkan wabak ini memular ke kawasan lain"

Ahmad Faizal Azumu,
Menteri Besar Perak

diserang anjing yang dijangkiti rabies sehingga mereka turut diancam wabak itu.

Justeru, beliau berkata, kerjasama sedang dilakukan antara JPV negeri dengan PBT di daerah terbabit adalah penting dalam usaha memastikan pengawalan dan penguatkuasaan lebih tersusun bagi menangani wabak itu.

"Wabak ini bukan berpunca dari sini (LMS), namun ia datang dari tempat luar. Saya tidak mahu membuat tuduhan (tetapi) sebab itu kawasan ini

(LMS) pernah dijangkiti wabak rabies dan sekarang kena lagi, jadi perlu ambil tindakan segera," katanya.

Sementara itu, Kerajaan Perak turut memberi jaminan bahawa vaksin dibekalkan kepada Jabatan Kesihatan negeri mencukupi bagi membendung wabak rabies, termasuk menanganinya jangkitan berkenaan di daerah LMS.

Wabak terkawal, tidak perlu panik

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Hal Ehsan Pengguna, Integrasi Nasional dan Sumber Manusia negeri, A Sivanesan, berkata justeru, masyarakat tidak perlu risau.

"Pegawai dari JPV negeri sedang bekerjasama dengan PBT untuk memastikan haiwan peliharaan terbahagi diberikan vaksin," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sivanesan berkata, penduduk juga tidak perlu panik kerana wabak itu terkawal, selain meminta kerjasama orang ramai memberikan vaksin kepada haiwan peliharaan masing-masing meliputi anjing dan kucing.

"Sekiranya digigit anjing atau kucing liar, segera dapatkan rawatan di klinik atau hospital bagi mengelak daripada dijangkiti wabak itu," katanya.

Tinjauan BH di beberapa kawasan di daerah Taiping mendapat proses vaksinasi sedang giat dilaksanakan JPV negeri terhadap semua anjing dan kucing di situ.

Tiada kes jangkitan di Taiping

Putrajaya: Tiada kes positif rabies dalam kalangan manusia dilaporkan di Taiping, Perak, setakat ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Dr Dzulkefly Ahmad, berkata dua mangsa digigit anjing positif rabies di Taiping pada 25 Disember tahun lalu, tidak menunjukkan gejala penyakit itu.

"Kerjasama antara Kementerian Kesihatan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sedang dilakukan untuk pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan," katanya pada si-

dang media, di sini, semalam.

Pantau rapi pintu masuk

Kelmarin, mukim Taiping dan Bukit Gantang di daerah Larut Matang dan Selama (LMS), Perak, diwartakan sebagai kawasan jangkitan rabies susulan empat sampel diambil di kawasan itu didapati positif wabak itu.

Sementara itu, mengulas mengenai penularan wabak Chikungunya, Dr Dzulkefly berkata, pemantauan di pintu masuk antarabangsa antara Malaysia, Thailand, Singapura dan Indo-



Kita sedia mempertimbangkan kerana mengetahui kepentingan udara yang sihat untuk semua."

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan

nesia diperkukuhkan dengan kaedah saringan suhu badan untuk mengesan kes disyaki Chikungunya daripada pelawat yang memasuki negara ini.

Berhubung cadangan memperluaskan larangan merokok di pejabat atau tempat kerja pula, beliau berkata, kementerian terbuka untuk mempertimbangkan pelbagai cadangan berhubung perkara itu.

"Kita sedia mempertimbangkan kerana mengetahui kepentingan udara yang sihat untuk semua," katanya.

Analisis Kosmo!

Isu anjing liar ancam keharmonian sosial

PADA 5 Januari lalu, kes beberapa ekor anjing liar ditemui mati dipercayai akibat diracun di Taman Lavender Heights, Seremban, Negeri Sembilan menjadi tular di media sosial.

Sebanyak tiga ekor anjing termasuk seekor anjing peliharaan ditemui mati di taman perumahan itu antara 1 hingga 4 Januari lalu oleh pemilik anjing peliharaan terbabit.

Insiden tersebut mengundang kecaman termasuk pihak pencinta haiwan yang marah kerana kejadian itu disifatkan satu kekejaman ke atas haiwan.

Bagi mereka, pihak yang melakukan perbuatan itu perlu didakwa di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Bagaimanapun, sebahagian penduduk Taman Lavender Heights dalam satu perjumpaan pada 10 Januari lalu melontarkan rasa tidak puas hati kerana kes itu menyebabkan ada antara mereka disiasat pihak polis.

Pada mereka, isu yang lebih penting adalah masalah anjing liar yang semakin serius di kawasan perumahan mereka sehingga mengancam keselamatan penduduk.

Seorang penduduk mendakwa dia pernah diancam anjing semasa berjoging, manakala haiwan peliharaan penduduk seperti anab dan kucing dibunuh anjing liar yang berkeliaran.

Kes itu kini disiasat oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar selepas pihak polis diarah menghentikan siasatan oleh Pejabat Timbalan Pendakwa Raya.

Persoalan yang timbul, apakah tindakan yang dilakukan oleh pihak berwajib untuk menangani sepenuhnya isu anjing liar supaya insiden yang boleh menjejaskan keharmonian sesebuah masyarakat seperti itu tidak berulang?

Pada 18 Jun 2015, Rang Undang-Undang Kebajikan Haiwan 2015 diluluskan Dewan Rakyat bagi melindungi kebajikan haiwan daripada dianiaya mana-mana pihak termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sejak itu, PBT tidak lagi dibenar menggunakan kaedah tangkap dan tembak ke atas haiwan terbiar seperti anjing kecuali binatang tersebut berpenyakit.

Menerusi rang undang-undang itu juga, sesiapa didapati bersalah mendera atau menganiaya haiwan boleh dikenakan denda sehingga RM100,000 dan penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Seorang wakil Majlis Perbandaran Seremban (MPS) memberitahu petugas media pada 10 Januari lalu, pihaknya telah menangkap 8,000 ekor anjing liar di sekitar Seremban pada tahun 2016.

Kata beliau, MPS malah telah menangkap 4,000 ekor lagi pada 2017 melalui dua syarikat yang dilantik menjalankan kerja-kerja tersebut.

Bagaimanapun, operasi terpaksa dihentikan pada Julai 2017 sehingga kini



Di Sebalik Isu Panas

Bersama ZULKIFLI MANZOR

selepas ada pihak mempertikaikan kuasa MPS menangkap dan melupuskan haiwan berkenaan.

Pengasas Pertubuhan Kebajikan Haiwan Malaysia (MAWA), S. Mukundan ketika dihubungi *Kosmo!* berkata, membunuh anjing liar adalah satu perbuatan yang

tidak wajar dan tidak boleh diterima.

Menurutnya, perbuatan itu tidak menampilkan ciri-ciri masyarakat Malaysia yang prihatin terhadap nasib haiwan mahupun haiwan yang terbiar.

Bagaimanapun katanya, perkara itu boleh ditangani dengan baik sekiranya pihak berwajib mengambil serius isu tersebut dengan mengambil pandangan dan cadangan yang telah dikemukakan banyak pihak.

Sebagai contoh kata beliau, MAWA beberapa bulan lalu pernah mengemukakan beberapa cadangan untuk menangani isu anjing liar kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Menurut beliau, cadangan itu adalah sebidang tanah disediakan di setiap daerah untuk menempatkan haiwan liar termasuk anjing yang ditangkap oleh mana-mana pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO).

Kata beliau, haiwan itu kemudian akan dimandulkan supaya tidak dapat membiak dengan lebih banyak sekali gus mampu mengurangkan jumlah anjing terbiar di jalanan.

Selain itu katanya, pemilik haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing juga diwajibkan memandulkan haiwan masing-masing.

"Masalah yang timbul apabila anjing atau kucing peliharaan melahirkan anak, maka anak anjing atau kucing yang tidak diingini itu dibuang di pasar atau masjid.

"Begitu juga ada syarikat kontraktor membela anjing di tapak pembinaan untuk menjaga keselamatan, anjing itu dibiarkan membiak," katanya.

Justeru katanya, MAWA menyeru pihak berwajib supaya mengambil serius cadangan itu agar isu yang berlaku di Taman Lavender Heights, Seremban sehingga mengundang suasana tidak aman dalam kalangan masyarakat tidak berulang.

Majlis Perbandaran Seremban malah telah menangkap 4,000 ekor lagi pada 2017 melalui dua syarikat yang dilantik

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	41

Jangan lepaskan ikan bandar raya ke perairan umum

PUTRAJAYA 15 Jan. - Jabatan Perikanan menyarankan orang ramai tidak melepaskan atau membuang spesies ikan asing termasuk 'ikan bandar raya' ke perairan umum kerana boleh menyebabkan kerosakan habitat perikanan, persekitaran akuatik dan biodiversiti ikan air tawar di Malaysia.

Menurut jabatan itu, ikan bandar raya didapati akan mengorek dasar sungai atau tebing yang menyebabkan kesan seperti air keruh, tebing sungai runtuh dan gangguan keseimbangan persekitaran akuatik.

Jelasnya, keadaan itu berlaku semasa ikan mencari makanan dan proses pembiakan.

"Ikan ini juga didapati memakan tumbuhan akuatik yang

diperlukan bagi beberapa spesies ikan air tawar untuk habitat pembiakannya. Selain itu, ikan ini berperanan sebagai pemangsa kepada larva ikan-ikan di habitat berkenaan dan pastinya akan menjejaskan kelestarian populasi ikan tempatan.

"Peningkatan populasi ikan ini juga memberi impak negatif kepada perikanan darat antaranya menjejaskan pendapatan nelayan sungai dengan penurunan stok ikan disebabkan oleh gangguan habitat dan pemangsaan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan itu bagi mengulas laporan kebimbangan pencinta alam sekitar mengenai kehadiran ikan bandar raya yang menjejaskan ekosistem sungai.